

27/08/2000

NGO diminta jangan pertikai hak istimewa

Halmi Samad

SHAH ALAM: Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammudin Tun Hussein memberi amaran kepada persatuan bukan kerajaan (NGO) supaya jangan sekali-kali menggunakan persatuan sebagai platform untuk mempertikai hak keistimewaan orang Melayu.

Beliau berkata, Pemuda Umno mendapati ada NGO memanipulasikan isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina SeMalaysia (Suqiu), tetapi sebenarnya bermotifkan politik.

Katanya, NGO mempunyai niat buruk, tidak ikhlas dan sengaja mahu mengeruhkan suasana harmoni di kalangan rakyat negara ini dengan mempertikai hak keistimewaan orang Melayu.

"Saya cabar mereka...kalau mahu berpolitik, sila turun ke arena politik. Jangan berselindung di sebalik nama NGO kononnya berjuang untuk Suqiu, tapi sebenarnya mahu main politik.

"Pemuda Umno memandang serius perbuatan mereka," katanya selepas majlis pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya bagi Penunggang dan Pembonceng Motosikal Negeri Selangor 2000 di Litar Batu 3, di sini, semalam.

Hishammudin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda Umno kini sedang mengumpul kenyataan pemimpin Cina yang disiarkan dalam semua akhbar Cina untuk mengetahui pendirian mereka berhubung isu tuntutan Suqiu.

Selepas itu, katanya, Pemuda Umno akan mengadakan sidang akhbar khas dengan semua media masa di negara ini bagi menghurai dan bertukar pandangan dengan mereka.

"Kita mahu tahu apa sebenarnya yang dicakap dan dibahaskan oleh pemimpin kaum Tionghua dalam menangani isu Suqiu yang disiarkan oleh akhbar Cina. Kita sedang kumpul semua kenyataan mereka.

"Selepas itu, kita akan berjumpa dengan semua akhbar ... Berita Harian, Utusan (Melayu) dan surat khabar Cina. Kita akan beri penjelasan panjang lebar dalam hal ini," katanya.

Suqiu baru-baru ini dilaporkan mengulangi tuntutan 17 perkara, termasuk menyentuh hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan negara, sebagaimana mereka kemukakan sebelum pilihan raya umum tahun lalu.

Hishammudin berkata, Pemuda Umno tidak berniat menentang arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memutuskan semua pihak jangan memanjangkan isu tuntutan berkenaan.

"Tidak timbul soal lawan keputusan PM (Perdana Menteri). Tapi, masalahnya, mereka buat kenyataan yang bercanggah. Berdasar surat bertarikh 22 Ogos lalu, mereka kata tidak pertikaikan keistimewaan orang Melayu.

"Tapi, keesokan harinya, mereka buat keputusan yang sangat bercanggah. Kita sudah pujuk rakan-rakan dalam Pemuda Umno supaya jangan lawan, tapi keputusan mereka sangat bercanggah.

"Ini soal prinsip dan perjuangan. Mereka jelas tidak ikhlas dalam soal ini," katanya.

(END)